

Sekolah kluster utamakan

B.H M/S 1.5 05/3/07

Pengetua cemerlang sumber kepemimpinan, mo

? BANYAK diperkatakan mengenai sekolah kluster dari segi konsep dan pelaksanaan, tetapi bagaimana dengan keupayaan sumber manusia yang menggerakkan sekolah itu?

Kejayaan sekolah kluster bergantung kepada pelbagai faktor. Dari segi kemudahan fizikal, saya percaya tidak sukar melaksanakan. Bagaimanapun, lebih penting ialah keupayaan sumber manusia, iaitu pengetua atau guru besar bersama guru penolong kanan dan guru.

Selain itu, kita memerlukan sokongan pelbagai pihak seperti PIBG (Persatuan Ibu Bapa dan Guru), alumni (bekas pelajar sekolah), sektor swasta dan masyarakat.

Golongan paling penting menjayakan sekolah kluster ialah pemimpin sekolah kerana mereka yang akan mempengaruhi banyak faktor seperti pengurusan, akademik, kokurikulum dan mewujudkan perhubungan pihak berkepentingan seperti PIBG, syarikat swasta dan penyumbang lain.

Mereka memastikan guru di bawah kawalan masing-masing menghasilkan *output* terbaik dalam pelbagai aspek. Konsep sekolah cemerlang yang selalu diperkatakan sebelum ini bukan lagi tertumpu kepada akademik. Aspek lain seperti kokurikulum, sahsiah, disiplin serta hubungan dalam dan luar negara ki-

SEKOLAH kluster kini hangat diperkatakan masyarakat, t
pengumuman 30 sekolah perintis pada 30 Mac ini. Konsep
memberi lonjakan besar meningkatkan mutu sistem pen
ramai. Bagaimana pula dengan pengetua dan guru besar
mempunyai tanggungjawab besar mengubah konsep di
Bagi memperjelaskan perkara ini, ikuti temu bual wartawan
Ziauddin Sharuddin, bersama Ketua Setiausaha Kementerian
Dr Zulkurnain Awang.

an penting. Ini memerlukan pengetua dan guru besar sekolah kluster adalah yang terbaik dan cemerlang.

? Bagaimanakah proses pemilihan pengetua dan guru besar sekolah kluster dilakukan.

Dari segi pemilihan, kementerian akan mengambil hanya mereka yang menunjukkan kecemerlangan. Sama ada pengetua atau guru besar, memang berada di sekolah kluster yang akan dikenal pasti atau di luar sekolah kluster. Mereka yang berjaya menunjukkan potensi tinggi dan dapat memenuhi harapan Menteri Pelajaran untuk membawa perubahan kepada sekolah.

Ini bererti mereka perlu berkhidmat dalam suatu tempoh agak panjang di sekolah. Kita tidak mahu pengetua yang hendak bersara kerana mereka tidak berpeluang menunjukkan kecemerlangan pada jangka ma-

sa singkat.

Kementerian akan menetapkan tempoh tertentu seperti melebihi tiga atau lima tahun dan mungkin lebih lama. Kita perlu memilih pengetua yang masih ada jangka masa lama untuk berkhidmat atau agak muda. Pada jangka masa panjang, kita mungkin memilih pengetua yang masih muda, tenaga kuat, semangat tinggi dan keupayaan mental dan fizikal yang tinggi.


Pemilihan mereka melalui suatu proses saringan dan penilaian ketat yang dibuat Institut Aminuddin Baki (IAB), Bahagian Sumber Manusia dan Jemaah Nazir Sekolah yang memang bertanggungjawab memilih pengetua dan guru cemerlang.

Semua calon mempunyai ciri kecemerlangan. Sesetengah mungkin daripada SBP (Sekolah Berasrama Penuh) dan mungkin ada sekolah harian. Sesetengah mungkin sudah ada

an pendidik terbaik

otivasi guru

terutama menjelang
tep sekolah yang bakal
ndidikan sudah diketahui
r serta guru yang
atas kertas menjadi realiti.
wan *Berita Minggu*,
erian Pelajaran, Datuk



di sekolah kluster yang bakal di-
umumkan atau dari sekolah lain. Me-
reka boleh datang dari mana-mana
saja.

Pada jangka panjang, apabila se-
kolah kluster ditambah hingga 300
buah, Kementerian akan memperke-
nalkan beberapa kaedah seperti men-
genal pasti pengetua atau guru be-
sar berpotensi atau membuka tawa-
ran kepada sesiapa saja yang berasa
layak supaya memohon.

? Apakah tindakan pengukuhan
yang bakal dilakukan supaya
kewibawaan pengetua dan guru
besar mengendalikan sekolah
kluster tidak dipertikaikan.

Mereka yang berjaya akan men-
dapat latihan secukupnya dan
pendedahan pada peringkat dalam
negara dan antarabangsa. Pada pe-
ringkat pertama, Kementerian ber-
cadang menghantar kira-kira 30 pe-
ngetua dan guru besar kumpulan
pertama ke luar negara. Sehubungan
itu, perbincangan sudah diadakan
dengan beberapa universiti terkemu-
ka di United Kingdom.

Mereka akan menghadiri kelas
akademik jangka pendek untuk men-
dapat pendedahan mengenai pelba-
gai aspek berkaitan sekolah cemer-
lang seperti tanggungjawab kepe-
mimpinan dan tugas pengetua
cemerlang.

Selepas itu, mereka ditempatkan di
sekolah cemerlang di England supaya
dapat mempelajari pengurusan se-
kolah tahap tinggi, sekali gus me-
wujudkan perhubungan dengan Se-
kolah Kluster dan sekolah berkenan.
Proses itu dipantau universiti
berkenaan dengan tempoh penem-
patan antara satu hingga dua bulan,
tetapi tempoh sebenar belum dipu-
tuskan.

Selain England, Kementerian me-
rancang program yang sama di Aus-
tralia dan New Zealand yang mem-
punyai sekolah yang boleh dijadikan
penanda aras bagi memastikan pe-
ngurusan Sekolah Kluster bertahap

“ Semua calon
mempunyai ciri-ciri
kecemerlangan.
Sesetengah
mungkin daripada
Sekolah Berasrama
Penuh dan mungkin
ada sekolah harian.
Sesetengah
mungkin sudah ada
di sekolah kluster
yang bakal
diumumkan atau
dari sekolah lain”

Dr Zulkurnain Awang
Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran

dunia. Bagaimanapun, proses ini ter-
takluk kepada peruntukan yang men-
cukupi. IAB di tanah air pula di-
pertanggungjawabkan mengadakan
kursus secara berterusan yang akan
memberi pendedahan mengenai pe-
ngurusan terbaik.

? Mengapakah England, Austr-
lia dan New Zealand menjadi
pilihan. Adakah negara lain yang
mempunyai sekolah cemerlang,

tetapi tidak menggunakan bahasa
Inggeris sebagai bahasa pengan-
tar tidak dipertimbangkan.

Kita tidak menutup kemungkinan
itu kerana matlamat kemente-
rian ialah mewujudkan perhubun-
gan dengan mana-mana negara
yang mempunyai sekolah cemerlang,
termasuk dalam kelompok Asean se-
perti Singapura. Dalam bidang ke-
senian, sekolah kluster boleh mewu-
judkan perhubungan dengan sekolah
seni di Indonesia yang wujud sejak
1950-an.

Oleh itu, kita akan melihat di mana
saja supaya setiap 300 sekolah kluster
sebagai permulaan mempunyai per-
hubungan dengan sekolah cemerlang
negara lain.

? Apakah mereka akan dising-
kirkan jika gagal memenuhi
jangkauan Kementerian.

Pengetua dan guru besar mem-
punyai beberapa kuasa autonomi
seperti pengurusan kewangan, pe-
milihan kakitangan, motivasi dan
perhubungan dengan PIBG. Kita
akan melatih mereka supaya muncul
sebagai terbaik. Jika pengetua atau
guru besar tidak mampu, mereka bo-
leh berundur.

Sekolah boleh terus kekal, tetapi
orang boleh dipindahkan. Bagaima-
napun, harapan Kementerian ialah
pengetua yang dipilih akan menjadi
sumber kepemimpinan dan motivasi
yang tinggi kepada guru. Mereka ber-
tanggungjawab terhadap pembangu-
nan sumber manusia seperti melatih

nan sumber manusia seperti melatih guru dan kementerian akan bekerjasama.

Kita akan mendapat idea daripada mereka. Apa yang mereka mahu? Pengetua dan guru besar akan berbin-cang dengan warga sekolah untuk meningkatkan tahap kecemerlangan sekolah dalam pelbagai aspek.

? Bagaimana dengan guru yang jika dalam peperangan adalah tentera yang akan berperang dan menentukan kemenangan.

Sudah tentu kementerian akan memilih guru terbaik. Pengetua dengan sedikit kuasa autonomi boleh mendapatkan guru terbaik. Selepas memberi peluang serta latihan dan jika guru tidak dapat memenuhi kehendak sekolah, dia terpaksa dipin-dahkan ke sekolah lain. Kita hendak melonjakkan sekolah kluster ke ta-hap terbaik. Semua pihak perlu ter-baik.

Dalam jangka masa panjang apa-bila sekolah kluster mempunyai per-hubungan dengan sekolah cemerlang luar negara, guru berpeluang men-dapat pendedahan dan pengalaman luar negara apabila ada program per-tukaran pelajar dan guru.

Kementerian juga mendapatkan pengetua cemerlang yang bersara un-tuk membantu kejayaan sekolah kluster dan sekolah lain. Mereka ter-masuk bekas Pengetua Super, Mary Yap Kain Ching yang diambil ber-tugas di IAB sebagai perunding un-tuk melatih guru.

Mereka akan memberi tunjuk ajar kepada guru sekolah, termasuk se-kolah kluster. Mereka sekali-sekala akan datang ke sekolah bukan se-bagai penyelia, tetapi sebagai mentor dan jurulatih untuk memberi pan-duan jika guru menghadapi masalah. Mereka juga akan mewujudkan prog-ram latihan dari semasa ke semasa.

? Kejayaan akademik boleh di-nilai seperti berdasarkan ke-putusan peperiksaan. Apakah pu-la ukuran kejayaan bidang bukan akademik yang dapat membukti-kan kejayaan pengetua.

Jika bidang sukan diambil sebagai contoh, sekolah itu perlu cemer-lang dalam sukan seperti bola sepak, ragbi dan badminton dengan muncul sebagai sekolah terbaik. Begitu juga dalam bidang lain seperti perbaha-san dengan sekolah muncul sebagai terbaik pada peringkat antarabang-sa.

Kita juga memementingkan aspek di-siplin kerana hendak melahirkan pe-lajar sebagai manusia terbaik dalam semua aspek. Kita boleh mengatur latihan untuk guru dan sekolah juga

Pelajar dinilai sepanjang tahun

B.H. M/S 18

DARI MUKA 15 25/3/07

boleh melakukan sendiri. Ini yang menyebabkan kepemimpinan sekolah. Pengetua dan guru besar perlu penuh bertenaga dan bekerjasama menggerakkan guru lebih bermotivasi.

? Pengalaman lalu menunjukkan sekolah berasrama penuh sebagai sekolah pilihan tidak sentiasa menunjukkan prestasi memuaskan. Malah kadang-kadang ditewaskan sekolah harian. Ini mungkin berlaku membabitkan sekolah kluster.

Ini *hypothetical* (bersifat andaian). Kementerian akan memastikan proses penilaian terhadap sekolah kluster dilakukan secara berterusan. Dalam jangka panjang, penilaian tidak dilakukan pada akhir tahun atau tahun berikutnya untuk mengetahui kejayaan atau kegagalan sekolah. Jika ada masalah timbul, kita boleh mengambil langkah awal untuk membetulkan keadaan.

Dalam sistem sekarang, pelajar menduduki peperiksaan pada akhir tahun. Sekolah kluster mungkin membuat penilaian sepanjang tahun seperti di Singapura, Sekolah Raffles tidak ada peperiksaan akhir tahun. Penilaian dibuat setiap bulan dan keputusan keseluruhan digunakan untuk memasuki universiti.

? Bolehkah kuasa autonomi Sekolah Raffles diperkenalkan dalam sistem sekolah kluster negara ini.

Harapan dan perancangan Kementerian memang menuju ke arah itu. Mungkin tidak semua, tetapi pada masa depan, mereka yang memasuki sekolah kluster akan dipilih universiti sejak awal lagi. Tidak perlu mengambil peperiksaan kerana prestasi mereka dinilai sepenuhnya dari segi akademik, kokurikulum, disiplin, keupayaan berkomunikasi dan kepemimpinan.

Ini adalah cabaran besar kepada kepemimpinan sekolah dan Kementerian. Pada peringkat antarabangsa, sistem ini sudah wujud seperti Universiti Oxford mempunyai hubungan istimewa dengan sekolah tertentu di England. Ini memberi pengiktirafan kepada sekolah berkenaan.

Sebagai contoh, katakan apabila lulusan sekolah berkenaan mendapat Gred A, dia terus mendapat tempat di universiti terbabit. Dalam jangka panjang, pelajar sekolah kluster boleh mengambil peperiksaan lain untuk mendapat tempat di universiti luar negara.

? Kemudahan fizikal tidak dinafikan masih penting.

Kemudahan fizikal penting, tetapi tidak menyamai kepentingan

guru. Bagaimanapun, sekolah kluster yang ingin cemerlang dalam sukan seperti bola sepak perlu ada padang berkualiti sebagai tambahan kepada kemudahan seperti kelas dan makmal ICT. Kita akan lihat kemudahan yang diperlukan setiap sekolah kluster yang memerlukan pendekatan berbeza untuk melahirkan personaliti hebat.

? Apakah Datuk berasakan warga sekolah sudah cukup bersedia menghadapi perubahan melalui kewujudan sekolah kluster.

Setiap warga sekolah perlu bersedia menghadapi perubahan. Saya percaya jika ada minat, perubahan boleh dilakukan melalui anjakan yang besar dari segi pemikiran, cara pengurusan dan pendekatan kepemimpinan sendiri. Kita mahukan mereka yang muda supaya mereka boleh menjadi lebih cemerlang.

Mulai tahun ini, Kementerian memperkenalkan pendekatan baru memilih pemimpin di sekolah, pengetua dan guru besar. Sebelum ini, pemilihan berdasarkan faktor senioriti, tetapi sekarang mereka perlu memohon menjadi pengetua atau guru besar supaya kita mengambil orang yang betul-betul hendak memegang tanggungjawab itu.

Kita tidak mahu guru cemerlang mendapat kenaikan pangkat yang cepat. Kita harap pegawai pendidikan muda yang bersemangat dan mempunyai potensi bekerja lebih keras. Dalam konteks ini, kita memperkemas peranan IAB yang akan mempunyai tugas khusus untuk latihan kepemimpinan kepada pemimpin sekolah.

IAB mengatur banyak program baru, termasuk membina kampus baru di Nilai, Negeri Sembilan yang dirancang menjadi pusat latihan kepemimpinan guru bertaraf dunia.

? Pengetua dan guru besar menuntut memberikan yang terbaik. Adakah pada masa sama, mereka mendapat keistimewaan tertentu seperti dari segi kenaikan pangkat dan gred.

Kementerian mewujudkan banyak kenaikan pangkat dalam bentuk jawatan pengetua dan guru cemerlang hingga ke gred Jusa C. Sudah ada guru biasa yang naik ke Jusa C. Dulu ada lima jawatan dan baru-baru ini, ditambah sebanyak lima lagi menjadikan 10 jawatan guru Jusa C dan 10 jawatan Pengetua Cemerlang Jusa C. Malah jawatan mereka lebih tinggi daripada Pengarah Pelajaran Negeri. Begitu juga pengetua yang berpeluang dinaikkan ke gred DG48, DG 52 dan 54 hingga Jusa C.

Sebanyak 9,000 kenaikan pangkat diwujudkan. Saya harap guru dan masyarakat mengetahui apa yang se-

benar berlaku. Pihak luar mungkin tidak sedar bahawa peluang kenaikan pangkat yang kerajaan luluskan dalam tempoh setahun lebih banyak berbanding tempoh sepanjang 10 tahun lalu.

? Ini sepatutnya memberi galakan kepada guru untuk memberikan perkhidmatan cemerlang.

Tidak timbul isu bahawa guru tidak berpeluang mendapat kenaikan pangkat. Pertambahan kenaikan pangkat sungguh banyak. Cuma sekarang tunjukkan kebolehan dan buktikan bahawa pengetua dan guru boleh cemerlang, bekerja kuat, meningkatkan ilmu, bersedia memberikan perkhidmatan dan sumbangan terbaik. Ganjaran pasti menunggu mereka.

? Bagaimanakah kewujudan 300 sekolah kluster boleh memberi kesan terhadap peningkatan kualiti sistem pendidikan negara.

Dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP), antara matlamat Kementerian ialah melonjakkan kecemerlangan sekolah hingga dapat bersaing pada peringkat antarabangsa.

Tidak wujud pertentangan antara sekolah kluster dan sekolah biasa lain. Malah wujud kesinambungan kerana harapan Kementerian ialah sekolah biasa akan terus bergerak mengikuti jejak Sekolah Kluster untuk mencapai kecemerlangan.

Berdasarkan bentuk piramid, sekolah cemerlang adalah sedikit, tetapi dalam jangka masa panjang, bentuk piramid diterbalikkan dengan sekolah cemerlang bertambah banyak. Sekolah Kluster menjadi model dan inspirasi kepada sekolah lain.

? Apakah harapan kepada pengetua dan guru besar sekolah kluster.

Mereka mempunyai tanggungjawab besar dan berat untuk memastikan modal insan dapat dibangunkan supaya wawasan mencapai status negara maju pada 2020 dapat dicapai. Harapan saya ialah mereka memberikan sumbangan terbaik supaya dapat membina insan dalam aspek akademik, sahsiah, kokurikulum, kepemimpinan.

Ia memerlukan penghayatan untuk mewujudkan memerlukan komitmen tinggi. Ini adalah amal jariah dan sumbangan yang dihormati. apatah lagi apabila dapat melahirkan pelajar yang memenuhi matlamat. bukan hanya sekadar komitmen, tetapi sanggup berkorban segala-galanya. Ilmu yang diberikan kepada pelajar akan berpanjangan. Selagi pelajar berbuat baik, kita akan mendapat hasilnya walaupun tiada lagi di dunia.